

## KHUTBAH JUMAAT

**“PEGANGAN AHLI SUNNAH WAL JAMAAH ASYA’IRAH  
MATURIDIYYAH: MENGUKUHKAN PERPADUAN UMMAH”  
(18 Oktober 2024M/ 15 Rabiulakhir 1446H)**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا،  
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ، وَمَنْ يُضْلِلُهُ فَلَا هَادِي  
لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا  
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita beroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**Pegangan**

## ***Ahli Sunnah Wal Jamaah Asya'irah Maturidiyyah: Mengukuhkan Perpaduan Ummah***

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Islam telah bertapak di Nusantara sejak kurun ke-12 masihi dan di Sarawak pada kurun ke-15 masihi. Serentak dengan bertapaknya Islam di Nusantara termasuk di Sarawak, aqidah yang diajar kepada umat Islam ketika itu ialah Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Asya'irah Maturidiyyah.

Pengajian aqidah Sifat 20 ketika itu menjadi bukti kukuh bahawa Islam yang datang ke Nusantara ini termasuklah Sarawak adalah daripada aliran Asya'irah Maturidiyyah, namun, penjenamaan ketika itu tidak menggunakan nama Asya'irah Maturidiyyah, sebaliknya, hanya atas nama Islam semata-mata.

Dengan mengamalkan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah Asya'irah Maturidiyyah ini melalui pengajian sifat 20, telah melahirkan umat Islam yang memahami aqidah Islam dengan kefahaman yang betul, berakhlak mulia, mengamalkan kesederhanaan, progresif, terbuka dan menolak ekstremisme.

Pada masa yang sama, ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah Asya'irah Maturidiyyah juga telah terbukti sejak dahulu, dapat membentuk keharmonian, kesejahteraan dan hubungan kerjasama yang baik sesama umat Islam dan juga dengan orang bukan Islam.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Jika diimbasi kembali sejarah perkembangan Islam di Sarawak, kita

akan mendapati bahawa hasil sumbangan para ulama Sarawak dan peranan yang ditonjolkan oleh mereka adalah sangat besar. Jasa mereka bukan sahaja dalam usaha memberi kefahaman agama yang jelas dan tepat kepada masyarakat Islam, malah kesedaran dan tiupan semangat patriotisme, cintakan tanahair hingga membawa kepada tercapainya kemerdekaan Sarawak dan pembentukan Malaysia.

Ulama-ulama Sarawak yang masyhur dan banyak memberi sumbangan dalam usaha dakwah di bumi Sarawak adalah Datu Hakim Keramat, Datuk Hakim Haji Ashaari, Syeikh Othman Sarawak, Datu Imam Haji Morshidi, Datu Abang Haji Nawawi iaitu Mufti Sarawak yang pertama dan lain-lain yang mana mereka menuntut ilmu agama bermanhaj Asya'irah Maturidiyyah dari Makkah Al-Mukarramah. Seterusnya mereka telah kembali ke tanah air untuk mengembangkan dakwah Islamiyyah di Sarawak.

Alhamdulillah, berpaksikan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah Asya'irah dan Maturidiyyah dari sudut aqidah, mazhab Syafii dari sudut fiqah dan mazhab al-Junaid dan al-Ghazali dari sudut akhlak, umat Islam di Malaysia termasuklah di Sarawak telah berjaya disatukan. Jasa Imam as-Syafie, Imam Abu al-Hasan al-Asy'ari dan Imam al-Ghazali serta pengikut-pengikut mereka *rahimahumullah* begitu bermakna kepada ummah. Mereka telah memudahkan ummah untuk memahami ilmu aqidah, fiqh dan akhlak. Sentuhan mereka telah diteruskan oleh para ulama Nusantara sehingga terzahir kesatuan pemikiran dalam kalangan umat Islam di rantau ini

dan pada masa yang sama, mereka berjaya menepis kekeliruan yang mungkin timbul daripada isu-isu khilafiah (perbezaan pendapat para ulama berkaitan hukum) yang boleh membawa kepada salah faham dan perpecahan ummah.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sesungguhnya, pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah Asya'irah Maturidiyyah adalah bersumberkan al-Quran dan As-Sunnah, teradun dan terbina daripada nas-nas dan dalil-dalil syarak yang sahih tanpa mengabaikan kebijaksanaan akal fikiran insani anugerah Allah *subhanahu wata'ala*. Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah Asya'irah Maturidiyyah juga terbukti sebagai dasar dan pegangan beragama yang berjaya menyatukan ummah, sekali gus menyumbang ke arah kesejahteraan kehidupan bernegara.

Antara ciri-ciri utama Ahli Sunnah Wal Jamaah Asya'irah Maturidiyyah ialah:

**Pertama:** Berpegang dan mentafsirkan hukum-hukum Islam berlandaskan sumber perundangan utama iaitu al-Quran, al-hadis (as-Sunnah), ijmak dan qiyas.

**Kedua:** Berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar meliputi perkara mengenai iman iaitu ilmu aqidah, Islam iaitu ilmu feqah, dan ihsan iaitu ilmu akhlak.

**Ketiga:** Percaya bahawa kesemua para sahabat bersikap benar dan adil.

**Keempat:** Percaya dan beriman kepada perkara ghaib melalui al-Quran dan hadis.

**Kelima:** Tidak mengkufurkan sesama Muslim dengan begitu mudah kecuali atas pertimbangan ilmu, hujah dan bukti yang kukuh lagi adil.

**Keenam:** Sederhana dalam kepercayaan dan amalan, bersifat tidak terlalu melampau dan tidak juga terlalu meringankan.

### **Kaum muslimin yang berbahagia,**

Aliran pemikiran yang bercanggah dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah hendaklah dielakkan dan dijauhi. Penularan pelbagai aliran pemikiran lama dan baharu yang menongkah arus pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah merupakan satu cabaran yang bakal merungkai pegangan aqidah dan boleh memporak-perandakan ummah. Ulama dan cendekiawan Islam hendaklah berperanan menangani isu-isu yang berkaitan dengan akidah daripada berlarutan.

Di samping itu, ummah juga tidak sepatutnya dihimpit dengan isu-isu khilafiah yang membebangkan; sedangkan isu-isu tersebut telah berjaya dirungkaikan dengan bijaksana oleh ulama terdahulu. Jika perkara-perkara khilafiah terus berlarutan, dikhuatiri akan terjejas tumpuan umat Islam untuk menangani pelbagai isu semasa yang penting dan utama seperti kepimpinan, kenegaraan, keamanan, gejala sosial, rasuah, kemiskinan, pendidikan, pemantapan institusi keluarga, pemupukan nilai murni, memelihara alam sekitar dan lain-lain.

Marilah kita bersama-sama berganding bahu membanteras ajaran dan fahaman yang menyalahi aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan tidak mensia-siakan masa, menyibukkan diri pada perkara-perkara yang boleh mendatangkan mudarat atau yang berkemungkinan mengakibatkan perselisihan faham hingga menjaskan perpaduan umat Islam di Sarawak. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-An'am, ayat 153:

وَأَنَّ هَذَا صِرْطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَتَّبِعُوا أَلْسُبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ  
سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ وَصَنْكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (١٥٣)

**Maksudnya:** *Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanKu (agama Islam) yang betul lurus, maka hendaklah kamu menurutnya; dan janganlah kamu menurut jalan-jalan (yang lain dari Islam), kerana jalan-jalan (yang lain itu) mencerai-beraikan kamu dari jalan Allah, Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu bertaqwa.*

### **Kaum muslimin yang berbahagia,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, iaitu:

**Pertama:** Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah satu-satunya aqidah dan pegangan yang diyakini serta dijamin selamat daripada azab api neraka oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*.

**Kedua:** Umat Islam di Nusantara telah berpegang teguh kepada ajaran agama sejak zaman-berzaman, dengan fahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Asya'irah Maturidiyah, bermazhab dengan

mazhab Shafi'i dan bertasawuf dengan mengikut jalan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam Ghazali.

**Ketiga:** Ummah wajib berganding bahu memastikan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah Asya'irah Maturidiyah yang telah diamalkan sejak Islam bertapak di Nusantara ini untuk terus dihayati dan diamalkan. Sama-sama kita berganding bahu membanteras ajaran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan melaporkannya kepada pihak Majlis Islam Sarawak.

**Keempat:** Perkuatkan ilmu agama dengan mempelajarinya dari agamawan yang berkelayakan serta memiliki tauliah mengajar daripada pihak Majlis Islam Sarawak.

**Kelima:** Jagalah bersungguh-sungguh kesatuan aqidah, kesatuan ibadah dan kesatuan akhlak demi mengekalkan kesepadan umat Islam dan suasana yang aman damai serta harmoni dalam kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam di Sarawak.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-An'am, ayat 116:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ . بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ .  
وَإِنْ تُطِعْ أَكْثَرَ مَنْ فِي الْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنْ يَتَبَعُونَ إِلَّا  
الْظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ (١١٦)

**Maksudnya:** *Dan jika engkau menurut kebanyakan orang yang ada di muka bumi, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah; tiadalah yang mereka turut melainkan sangkaan semata-mata, dan mereka tidak lain hanyalah berdusta.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pada kesempatan ini, khatib menyeru agar kita bersama-sama terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِيهِ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالْتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan

kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan kefaian serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ،  
أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ أَقِيمُوا الصَّلَاةَ